

28 JUN 2003

Sultan-Perpaduan

SYUKURI PERPADUAN KAUM JAMIN KEMAKMURAN, TITAH SULTAN JOHOR

JOHOR BAHRU, 28 Jun (Bernama) -- Sultan Johor hari ini bertitah mengingatkan rakyat supaya sedar dan bersyukur bahawa perpaduan kaum di negara ini telah menjamin kemakmuran dan kemajuan negara.

Titah baginda kemakmuran dan kemajuan yang dinikmati baik di masa lalu, sekarang dan di masa depan tidak boleh dicapai sekiranya rakyat berbagai kaum, bangsa dan agama berpecah belah.

"Pembangunan ekonomi memerlukan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai," titah baginda ketika merasmikan pembukaan penggal persidangan kelima Dewan Undangan Negeri Johor yang kesepuluh di sini.

Titah ucapan baginda dibacakan oleh Tunku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail ibni Sultan Iskandar.

"Di sini juga saya mengingatkan kepada semua rakyat negeri Johor untuk menyokong kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi negeri dan negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia," titah baginda.

Sambil merakamkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan yang telah memberi kerjasama dan sokongan, baginda bertitah, "Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah berjaya melaksanakan pelbagai langkah merangsang ekonomi yang berkesan."

Titah baginda, hasilnya telah membawa pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pelaburan terus berkembang dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan yang membolehkan simpanan antarabangsa negara meningkat ke tahap RM136 bilion.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan kepimpinan negeri serta pasukan keselamatan yang telah melaksanakan tugas masing-masing membangunkan negeri ini.

Sultan Johor mahu kerajaan negeri terus merangka langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi melalui sumber dan kekuatan dalam negeri dan meningkatkan daya pengeluaran dalam semua bidang.

"Di bidang pertanian pula, pihak swasta hendaklah digalakkan melabur dalam pengeluaran bahan makanan dengan membangunkan ladang pertanian moden di Ayer Hitam dan Kluang dan menyertai perusahaan ternakan air di sungai-sungai utama negeri Johor," titah baginda.

Sultan Johor mahu pihak swasta lebih berani menghadapi cabaran dan tidak mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata, sebaliknya berperanan membantu meningkatkan daya saing negara dalam bidang kemahiran tinggi dan meneroka pasaran baru di luar negara.

Baginda juga mahu kerajaan negeri menambah kemudahan pelancongan dan mempertingkatkan usaha pemasaran di dalam dan luar negara sempena kempen Melawat Johor Tahun 2003 sekarang.

Baginda memberi perhatian khusus kepada beberapa projek utama bagi pertumbuhan sosio-ekonomi negeri ini seperti pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin baru, lebuh raya Senai-Desaru, pusat penumpang dan kargo udara Senai dan pusat bekalan perkapalan dan petrokimia di Tanjung Bin.

"Kerajaan negeri hendaklah juga membaiki kemudahan air, telefon, elektrik dan lain-lain untuk kesejahteraan rakyat negeri ini," titah baginda yang bersyukur kerana kerajaan negeri akan meneruskan usaha pembinaan rumah rakyat, meningkatkan pendapatan golongan miskin dan Orang Asli serta terus memajukan pendidikan agama.

"Saya juga menyeru rakyat negeri Johor supaya segera membayar

cukai-cukai yang tertunggak berjumlah lebih RM42 juta sekarang, yang akan dapat membantu kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan perbelanjaan... dan dapat meningkatkan lagi pembangunan infrastruktur," titah baginda.

Menteri Besar dan barisan Exco serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan turut hadir pada perasmian itu.

-- BERNAMA
MNY MNY RHM